

Melindungi Sektor Pertanian Mendepani Krisis Covid-19

VIEWS 26 / 20 | 1 April 2020 | Ahmad Ashraf Shaharudin

Views adalah rencana yang diterbitkan bagi menggalakkan perbincangan dan pertukaran pandangan tentang isu-isu semasa. Ia adalah pendapat penulis dan tidak semestinya mewakili pendirian rasmi KRI.

Rencana ini ditulis oleh Ahmad Ashraf Shaharudin, penyelidik di Khazanah Research Institute (KRI). Penulis berterima kasih atas komen daripada Christopher Choong Weng Wai, Hawati Abdul Hamid, Sarena Che Omar dan Nur Thuraya Sazali.

Alamat emel penulis:
Ashraf.Shaharudin@kriinstitute.org

Atribusi – Sila rujuk karya ini seperti yang berikut: Ahmad Ashraf Shaharudin. 2020. Melindungi Sektor Pertanian Mendepani Krisis Covid-19. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0.

Penterjemahan – Jika anda menterjemah karya ini, sila sertakan penafian berikut bersama-sama atribusi: Terjemahan ini tidak dihasilkan oleh Khazanah Research Institute. Khazanah Research Institute tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kandungan atau kesilapan dalam terjemahan ini.

Maklumat tentang kajian Khazanah Research Institute dan penerbitan dalam bentuk digital boleh didapati di www.KRIInstitute.org.



Pendahuluan

Sektor pertanian tidak terlepas daripada terkesan akibat krisis Covid-19. Permintaan pukal yang merudum daripada sektor perhotelan dan pelancongan serta gangguan rantaian bekalan global sedikit sebanyak merencatkan ekonomi sektor tersebut.

Dalam pada itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan di Malaysia juga menjelaskan aktiviti sektor pertanian. Sebagai contoh, beberapa hari selepas PKP berlangsung, terdapat petani tempatan yang menghadapi masalah menjual hasil mereka. Ada yang terpaksa membuang hasil yang tidak terjual atau menggunakan media sosial sebagai alternatif pemasaran, di samping cuba mengelak pembaziran dengan menderma¹.


¹ Syed Jaymal Zahiid (2020), Bunyan ibid., Ng Xiang Yi and Ramieza Wahid (2020) & Aruno et al. (2020)

Mengapa perlu beri perhatian kepada sektor pertanian?

Kelangsungan sektor pertanian perlu diberi perhatian serius bagi memastikan bekalan makanan yang mencukupi terutamanya dalam keadaan negara-negara lain kian gusar tentang jaminan bekalan makanan dan sesetengahnya telah mula mengambil pendekatan protektoris². Sebagai contoh, Thailand mengenakan larangan eksport telur ayam buat semetara waktu³, manakala Vietnam akan memberhentikan kontrak eksport beras yang baru⁴.

Sektor pertanian juga perlu dijaga bagi melindungi kebajikan petani, penternak, nelayan dan pekerja-pekerja sektor ini yang kebanyakannya berpendapatan rendah. Penengah dan purata gaji pekerja sektor pertanian adalah yang paling rendah jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain (Rajah 1).

Rajah 1: Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri (RM), Malaysia, 2018



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2019)


² Almeida and Sousa (2020)

³ World Trade Organization (WTO) (2020)


⁴ Vu (2020)

Kira-kira 56% pekerja sektor pertanian juga berstatus tidak standard (*non-standard*) (Rajah 3). Pecahan ini jauh melebihi sektor-sektor lain. Pekerja berstatus tidak standard tidak bekerja sepenuh masa dan/atau tidak mempunyai kontrak pekerjaan formal, malah banyak yang bekerja sendiri⁵. Justeru, mereka lebih berdepan risiko dibuang kerja atau diminta mengambil cuti tidak berbayar. Dalam pada itu, lebih 30% pekerja sektor pertanian pula adalah warganegara asing⁶. Kebajikan pekerja asing sering disisihkan dalam polisi-polisi sosial meskipun mereka memberi sumbangan signifikan kepada ekonomi, termasuklah bagi sektor pertanian.

Rajah 2: Bilangan pekerja berdasarkan sektor dan status pekerjaan (juta), 2018



Rajah 3: Pecahan pekerja berdasarkan sektor dan status pekerjaan (%), 2018



Sumber: Nur Thuraya Sazali and Siti Aiysyah Tumin (2020)

Hampir 90% pertubuhan pertanian tergolong dalam kategori perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (Jadual 1). Lebih kurang 40% syarikat pertanian adalah syarikat mikro, iaitu syarikat yang meraih perolehan tahunan kurang daripada RM300,000 dan mempunyai kurang daripada 5 pekerja. Syarikat PKS sektor pertanian melibatkan lebih kurang 190,000 pekerja—kira-kira 42% daripada jumlah keseluruhan pekerja sektor pertanian⁷. PKS lebih mudah terjejas dengan impak krisis ekonomi dan ini mendedahkan pekerja-pekerja PKS kepada risiko dibuang kerja atau diminta mengambil cuti tanpa gaji. Malah, PKS sendiri berdepan risiko gulung tikar.

⁵ Nur Thuraya Sazali and Siti Aiysyah Tumin (2020)

⁶ Ibid. berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh 2018. Bilangan pekerja asing dalam sektor pertanian ialah 492.4 ribu dan jumlah keseluruhan pekerja dalam sektor pertanian ialah 1,570.3 ribu.

⁷ Jabatan Perangkaan Malaysia (2017)

Jadual 1: Bilangan pertubuhan pertanian 2015

Kategori	Kriteria	Bilangan pertubuhan	Pecahan (% semua)
Mikro	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan tahunan kurang RM300,000 Kurang daripada 5 orang pekerja sepenuh masa 	4,863	42%
Kecil	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan tahunan antara RM300,000 ke kurang daripada RM15 juta 5 hingga 75 orang pekerja sepenuh masa 	4,143	36%
Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan tahunan antara RM15 juta dan tidak melebihi RM50 juta 75 hingga 200 orang pekerja sepenuh masa 	1,212	10%
PKS		10,218	88%
Bukan PKS		1,410	12%
Semua pertubuhan (termasuk PKS)		11,628	100%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2017)

Nota: PKS: Perusahaan kecil dan sederhana

Bagaimanakah sektor pertanian dilindungi setakat ini?

Kerajaan telah mengumumkan pelbagai jenis inisiatif bagi sektor pertanian. Inisiatif-inisiatif ini termasuklah kemudahan pinjaman dan suntikan dana pembangunan infrastruktur dan projek jangka pendek agromakanan. Selain daripada bantuan khusus untuk sektor pertanian, kerajaan juga menyediakan bantuan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan rakyat berpendapatan rendah, yang juga akan memanfaatkan golongan petani, nelayan, penternak dan pekerja sektor pertanian. Jadual 1A dalam Lampiran merumuskan inisiatif dan bantuan yang relevan bagi sektor pertanian.

Polisi untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS)

Kemudahan pinjaman yang disediakan menerusi **Pinjaman Agromakanan** dan **Skim Kredit Mikro Bank Simpanan Nasional (BSN)** boleh meredakan masalah aliran tunai bagi PKS pertanian. Modal tunai ini boleh digunakan sama ada untuk menanggung kos operasi mahupun untuk membeli aset dan membangunkan projek.

Namun begitu, pinjaman yang dilakukan PKS semata-mata untuk menanggung kos operasi agar tidak gulung tikar adalah pinjaman yang tidak produktif. Pinjaman tersebut tidak akan menambahkan pendapatan PKS dalam jangka masa panjang. Sebaliknya, PKS perlu membayar ansuran pinjaman beserta kadar faedah untuk beberapa tahun. Justeru, pinjaman untuk penggunaan sementara sewaktu krisis bukanlah langkah yang paling mampan, lebih-lebih lagi apabila krisis sekarang ini dijangka berlarutan untuk tempoh yang lama⁸. Tambahan pula, selepas krisis ini berjaya ditangani, PKS akan mengambil masa untuk pulih selepas itu. Namun, sebilangan PKS mungkin terpaksa mengambil langkah terdesak ini.

Dalam pada itu, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan penangguhan bayaran balik pinjaman bank sehingga 6 bulan bermula April 2020. Kerajaan, bersama Tenaga Nasional Berhad,

⁸ United Nations Development Programme (UNDP) (2020)

juga memperkenalkan diskau bil elektrik bagi sektor komersial, industri, pertanian dan isi rumah. Kedua-dua langkah ini disambut baik bagi meringankan beban yang ditanggung PKS.

Polisi buruh

Kerajaan telah memperkenalkan **Program Pengekalan Pekerja (ERP)** bertujuan memberi bantuan kewangan sebanyak RM600 sebulan bagi maksimum 6 bulan bagi pekerja yang terpaksa mengambil cuti tanpa gaji. Bantuan ini adalah lanjutan kepada Skim Insurans Pekerjaan (SIP) yang pada asalnya dikhaskan untuk pekerja yang dibuang kerja. Inisiatif ini sangat baik, namun masih terdapat beberapa kekurangan.

Christopher Choong (2020) menjelaskan beberapa isu. Pertama, inisiatif ini tidak melindungi pekerja yang berdepan dengan bentuk-bentuk pengurangan kerja yang lain seperti pengurangan gaji atau jam bekerja. Kedua, inisiatif ini tidak melindungi pekerja bukan standard dan mereka yang bekerja sendiri yang tidak menyumbang kepada SIP. Ketiga, jumlah bayaran RM600 adalah di bawah kadar gaji minimum dan hanya merangkumi 26% daripada purata gaji⁹. Perkara pertama dan kedua terutamanya relevan bagi sektor pertanian yang lebih separuh pekerja berstatus tidak standard. Di samping itu, ERP tidak melindungi pekerja asing.

Kerajaan juga memperkenalkan program subsidi upah untuk membantu majikan mengekalkan pekerja. Kerajaan akan memberi **subsidi upah** RM600 sebulan bagi setiap pekerja untuk 3 bulan bagi pekerja yang berpendapatan di bawah RM4,000 dan majikan yang mengalami penurunan pendapatan lebih 50% sejak 1 Januari 2020. Sebagai syarat, majikan mesti memastikan mereka tidak membuang pekerja atau mengarahkan mereka mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh tiga bulan selepas program ini dilaksanakan. Selain itu, majikan juga tidak dibenarkan memotong gaji sedia ada pekerja.

Namun begitu, persoalannya, adakah subsidi RM600 setiap pekerja cukup untuk menggalakkan majikan mengekalkan pekerja? Jika diambil purata gaji sektor pertanian iaitu RM1,865 sebulan, majikan masih perlu membayar lebih gaji RM1,265 bagi seorang pekerja—iaitu 68% daripada gaji asal. Dengan keadaan syarikat yang telahpun mengalami penurunan pendapatan lebih 50%, subsidi RM600 dikhuatiri terlalu sedikit untuk memastikan polisi pengekalan pekerja ini betul-betul berkesan.

Polisi untuk rakyat

Untuk melegakan himpitan ekonomi rakyat, kerajaan juga telah mewujudkan **skim i-Lestari** bagi pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Menerusi skim ini, semua ahli KWSP yang berumur bawah 55 tahun boleh membuat pengeluaran wang simpanan dalam Akaun 2, tertakluk kepada kadar maksimum RM500 sebulan untuk tempoh 12 bulan bermula April 2020. Namun, skim ini terdapat beberapa kelemahan dalam melindungi golongan rentan seperti yang diuraikan Adam Firouz (2020b).

⁹ Christopher Choong (2020)

Pertama, tidak semua ahli aktif KWSP mempunyai simpanan yang mencukupi. Berdasarkan anggaran, hampir 40% ahli aktif KWSP mempunyai simpanan Akaun 2 kurang daripada RM6,000. Justeru, mereka tidak boleh memanfaatkan skim ini sepenuhnya. Kedua, skim ini mengkompromi simpanan persaraan. Berdasarkan laporan *The State of Households II* (Khazanah Research Institute (2014)) purata simpanan KWSP bagi mereka yang di ambang persaraan (berumur 51-55 tahun) tidak cukup untuk menanggung kehidupan mereka selepas bersara, berdasarkan purata jangka hayat sekarang. Ketiga, skim ini hanya memanfaatkan pencarum KWSP dan kebanyakan pekerja tidak standard dan mereka yang bekerja sendiri, tidak mempunyai akaun KWSP¹⁰. Jikalau pun mereka secara sukarela mencarum di KWSP, simpanan mereka sedikit disebabkan tiada/kurang sumbangan majikan. Memandangkan pekerja sektor pertanian rata-rata berpendapatan rendah dan berstatus tidak standard, isu-isu yang disebut sangatlah relevan.

Menerusi **Bantuan Prihatin Nasional (BPN)**, kerajaan melebarkan bantuan tunai kepada isi rumah M40 (40% pertengahan), di samping isi rumah B40 (40% terbawah). Bantuan juga disalurkan bagi individu bujang berumur 21 tahun ke atas yang berpendapatan bawah RM4,000 sebulan. Berbeza dengan bantuan Skim Insurans Pekerja (SIP), bantuan tunai ini sedikit sebanyak melindungi mereka yang bekerja sendiri atau pekerja tidak standard yang hilang mata pencarian. Namun, kelemahan BPN ini ialah bagi mereka yang dibuang kerja dan tidak dapat memanfaatkan SIP, wang yang diberikan BPN adalah terhad dan hanya untuk 2 bulan sedangkan mereka berkemungkinan tidak dapat mencari pekerjaan baru dalam masa terdekat.

Dana khas sektor pertanian makanan

Kerajaan memperuntukkan **Dana Jaminan Makanan** berjumlah RM1 bilion. Dana ini bertujuan untuk menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada petani dan nelayan termasuklah bantuan input pertanian bagi meningkatkan pengeluaran domestik. Tambahan sejumlah RM100 juta diperuntukkan untuk pembangunan infrastruktur penyimpanan dan pengagihan hasil tani dan juga program integrasi tanaman. Peruntukan-peruntukan ini diperlukan bagi mengukuhkan sektor pertanian makanan, namun aspek implementasi perlu dititikberatkan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan.

Dana khas antara RM100,000 ke RM200,000 akan diberikan kepada **Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)** dan **Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK)** yang berdaya maju untuk menjalankan projek agromakanan jangka pendek. Objektifnya adalah untuk memastikan kecukupan bekalan makanan. Inisiatif ini bagus dan tujuannya jelas.

Namun, memperuntukkan dana untuk PPK dan PNK sahaja tidak mengambil peluang kebolehan petani dan nelayan yang tidak bernaung di bawah PPK atau PNK, yang mungkin lebih cekap dan produktif. Berdasarkan perbandingan data daripada Jabatan Pertanian (DOA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), petani sayur-sayuran dan buah-buahan di bawah seliaan LPP hanya merangkumi kurang daripada 5% daripada jumlah petani setiap komoditi tersebut (Jadual 2).

¹⁰ Adam Firouz ibid.

Jadual 2: Bilangan petani sayur-sayuran dan buah-buahan (tidak termasuk Sarawak), 2017

Komoditi	Jumlah (data DOA)	Di bawah LPP	Bukan di bawah LPP
Sayur-sayuran	40,215	1,160	39,055
Buah-buahan	126,527	2,388	124,139

Sumber: Jabatan Pertanian (DOA) (2018), LPP (2017a) & LPP (2017b)

Beberapa pertimbangan

Bagi mengukuhkan sektor pertanian dan melindungi pekerja sektor ini sepanjang tempoh krisis, saya berpendapat tiga pendekatan umum perlu diambil. Pertama, pastikan seluruh aktiviti pertanian bermula daripada penanaman sehingga penjualan kepada pengguna dapat berjalan secara normal dengan gangguan yang minimum, bukan sahaja pada waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tetapi juga selepas berakhirnya PKP. Kedua, langkah memastikan PKS pertanian dapat terus hidup dan pekerja-pekerja tidak diberhentikan atau disuruh mengambil cuti tanpa gaji mestilah diutamakan. Ketiga, sekiranya pekerja terpaksa diberhentikan atau disuruh mengambil cuti tanpa gaji, perlindungan bagi mereka haruslah mencukupi.

Cadangan khusus

1. Pastikan seluruh aktiviti rantaian makanan berjalan lancar

Perintah kawalan pergerakan (PKP) tidak seharusnya membantutkan aktiviti rantaian makanan. Meskipun aktiviti ini disenaraikan sebagai aktiviti keperluan yang dibenarkan beroperasi¹¹, terdapat kekangan yang menyebabkan aktiviti tersebut tidak berjalan secara normal. Sebagai contoh, masalah logistik yang mana pihak berkuasa memeriksa kenderaan di jalan-jalan dan mengambil masa, dan juga penutupan pasar pagi dan pasar tani. Menyedari isu yang pertama, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertindak mewujudkan laluan khas bagi kenderaan perdagangan keperluan asas di setiap lebuh raya¹². Bagi menangani isu yang kedua, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) akan mencadangkan kepada jawatankuasa PKP agar pasar pagi dan pasar tani dibuka semula bagi menangani lambakan hasil pertanian¹³. Namun ketika artikel ini ditulis, perkara kedua ini masih belum diputuskan.

Inisiatif Jabatan Pertanian (DOA) menggunakan media sosial untuk memanggil petani yang berhadapan masalah pemasaran untuk mengiklankan hasil mereka di laman Twitter DOA adalah baik, namun tidak mencukupi. Pertama, liputannya agak terhad. Kedua, tidak semua petani dan nelayan menggunakan media sosial.

Langkah proaktif MOA dan agensi-agensi berkaitan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diperlukan bagi menyalurkan sokongan pemasaran kepada para petani dan nelayan, termasuklah mereka yang tidak berdaftar di bawah agensi-agensi berkaitan. Kenalpasti petani dan nelayan yang tidak dapat menjual hasil disebabkan apa-apa sahaja sebab, sebagai

¹¹ Majlis Keselamatan Negara (2020)

¹² Safeek Affendy Razali (2020)

¹³ Ahmad ibid.

contoh menerusi semakan maklumat petani daripada Pejabat Pertanian Daerah, dan bantu mereka menjual hasil-hasil tersebut.

Jika perlu, lakukan kerjasama dengan syarikat swasta. Sebagai contoh, setelah media melaporkan tentang petani di Cameron Highlands yang terpaksa membuang hasil mereka kerana tiada pembelian, platform membeli-belah atas talian Lazada terus menguruskan perihal logistik dan teknologi bagi membolehkan hasil-hasil petani [dijual di platform mereka](#)¹⁴.

Dengan prospek permintaan yang merudum (pada waktu PKP dan selepasnya disebabkan penjarakan sosial), kerajaan juga harus memikirkan langkah untuk memasarkan lebihan hasil ke pasaraya-pasaraya besar dan juga terus kepada pengguna menerusi khidmat atas talian. Hal ini termasuklah bagi memastikan kesegaran hasil tanaman atau tangkapan dengan teknologi penyimpanan dan pengedaran yang baik.

2. Pinjaman tanpa faedah

Kerajaan wajar mempertimbangkan pinjaman tanpa faedah kepada petani, penternak, nelayan dan PKS sektor pertanian yang menghadapi kesempitan aliran tunai untuk terus beroperasi. Hal ini bagi mengelakkan bebanan faedah yang perlu ditanggung selepas krisis ini pulih sedangkan pinjaman dilakukan untuk menanggung kos operasi dan bukan untuk pelaburan yang akan menjana pendapatan.

Di Kanada, petani boleh meminjam \$100,000 pertama tanpa faedah menerusi program yang dikenali sebagai *Advance Payment Programs* (APP). Tambahan pinjaman seterusnya pula dikenakan faedah yang rendah¹⁵. Sebagai respon kepada Covid-19, kerajaan Kanada membenarkan penambahan pinjaman \$100,000 lagi tanpa faedah asalkan jumlah keseluruhan pinjaman sedia ada di bawah \$1 juta. Kerajaan Kanada juga memberi penangguhan bayaran balik 6 bulan bagi pinjaman ini¹⁶.

3. Pembayaran program subsidi upah ditambah

Bagi benar-benar mengelakkan pekerja daripada diberhentikan atau diminta cuti tanpa gaji, subsidi upah perlu ditambah. RM600 sebulan bagi setiap pekerja adalah rendah jika dibandingkan dengan purata gaji (keseluruhan dan bagi sektor pertanian) dan gaji minimum.

Australia sebagai contoh, memberi subsidi gaji sebanyak \$1,500 bagi setiap dua minggu bagi pekerja di syarikat yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30% (dan sekurang-kurangnya 50% bagi syarikat besar dengan perolehan tahunan melebihi \$1 bilion)¹⁷. Subsidi ini melebihi gaji minimum di Australia iaitu \$1,481 bagi setiap dua minggu¹⁸.

¹⁴ Palansamy (2020)

¹⁵ Government of Canada (2020)

¹⁶ Prime Minister of Canada (2020)

¹⁷ Hurst and Karp (2020)

¹⁸ Australian Government - Fair Work (n.d.)

Dengan ruang fiskal yang terhad, kerajaan mungkin boleh memberikan subsidi upah yang berbeza berdasarkan keterjejasan sektor terhadap krisis ini seperti mana pendekatan yang diambil Singapura¹⁹. Namun, langkah ini memerlukan rundingan dengan sektor-sektor yang mungkin akan mengambil masa. Satu cara lain yang boleh dipertimbangkan ialah dengan melaksanakan skim berkadar mengikut skala gaji—sebagai contoh, subsidi RM1,000 bagi gaji di bawah RM2,000 sebulan, subsidi RM1,500 bagi gaji melebihi RM2,000 dan kurang daripada RM3,000 sebulan dan seterusnya. Menerusi cara ini, jumlah mutlak subsidi meningkat mengikut tahap gaji, tetapi menurun dari segi peratusan.

4. Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) harus dilanjutkan kepada mereka yang bekerja sendiri

Kerajaan wajar mempertimbangkan untuk memberikan bantuan ERP kepada pencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memastikan mereka yang bekerja sendiri juga dapat dilindungi sekiranya mereka putus mata pencarian²⁰. SKSPS meliputi 20 sektor tidak formal²¹ termasuk pertanian, penternakan dan perikanan²².

Meskipun Bantuan Prihatin Nasional (BPN) disediakan bagi mereka yang berkelayakan termasuklah mereka yang bekerja sendiri, jumlahnya sedikit dan hanya diberikan untuk tempoh 2 bulan²³. Sebagai contoh, Pak Mat seorang petani kecil. Isterinya pula, Makcik Leha, menjual pisang goreng. Pada waktu krisis, kedua-duanya hilang pendapatan. Disebabkan pendapatan isi rumah mereka di bawah RM4,000, mereka layak menerima BPN sebanyak RM1,000 pada bulan pertama, dan RM600 pada bulan kedua—jumlah diterima isi rumah ialah RM1,600. Bagaimana sekiranya ERP dilanjutkan kepada mereka yang bekerja sendiri seperti Pak Mat dan Makcik Kiah? Dengan kadar yang diumumkan kerajaan, kedua-dua mereka masing-masing menerima RM600 bagi 6 bulan, RM1,200 sebulan bagi seisi rumah—jadi jumlah keseluruhan diterima isi rumah ialah RM7,200.

Selain itu, program ERP ini wajar mengambil kira bentuk-bentuk pengurangan pekerjaan yang lain seperti pengurangan jam ataupun gaji. Mungkin pampasan yang diberikan bagi situasi seperti yang disebut tidaklah setinggi pampasan yang diberikan sekiranya diberhentikan kerja atau diminta mengambil cuti tanpa gaji.

Dalam pada itu, bayaran RM600 sebulan adalah rendah dan penambahan bayaran harus dikaji semula.

¹⁹ Seow (2020)

²⁰ Hawati Abdul Hamid (2020) & Adam Firouz ibid.

²¹ Secara lebih tepat, SKSPS melindungi “pekerja tidak formal” di 20 sektor, bukannya “sektor tidak formal” kerana sebilangan pekerja di sektor-sektor ini adalah pekerja standard tetapi tidak mendapat akses kepada perlindungan sosial.

²² Fahmy A Rosli (2020) & PERKESO (n.d.)

²³ Adam Firouz (2020a)

5. Gunakan dana khas sektor pertanian makanan dengan baik

Dana khas sektor pertanian makanan wajar juga disalurkan kepada petani yang tidak bernaung di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan tetapi berdaya saing. Ini akan mengoptimumkan kebolehan para petani yang cekap untuk menambahkan bekalan makanan dalam negara.

Di samping itu, maklumat tentang penggunaan dana-dana ini haruslah telus disiarkan bagi makluman masyarakat umum. Hal ini bagi memastikan akauntabiliti dan mengelakkan ketirisan dana.

Kesimpulan

Sektor pertanian perlu diberi perhatian dalam masa krisis ini bagi memastikan kelangsungan jaminan bekalan makanan dan melindungi golongan petani, penternak dan nelayan serta pekerja sektor pertanian yang terdedah dengan kesempitan ekonomi. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif sama ada khusus untuk sektor pertanian mahupun untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan rakyat secara amnya.

Namun, masih ada lompong-lompong yang wajar kerajaan lihat bagi memastikan perlindungan yang diberikan kepada sektor pertanian dan pekerjanya lebih kukuh. Dengan ruang fiskal yang terhad, langkah-langkah mendepani krisis ini haruslah lebih tersasar dan menyelesaikan masalah. Misalannya, langkah memastikan seluruh aktiviti rantai bekalan makanan berjalan lancar tidak melibatkan pemberian wang terus, sebaliknya memerlukan koordinasi dan gerak kerja yang efektif. Malah langkah ini yang sebenarnya yang paling penting. Selagi pengeluar makanan dan PKS pertanian dapat bertani atau menangkap ikan dan menjual hasil mereka, mereka akan terus meraih pendapatan.

Polisi kerajaan juga haruslah mengutamakan pengekalan pekerja. Syarikat pertanian, terutamanya PKS, harus disokong dengan cukup agar mereka tidak memberhentikan pekerja atau mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji, bukan sahaja sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP), tetapi juga setelah tamat PKP. Hal ini bagi memastikan perjalanan aktiviti pertanian dalam menyediakan bekalan makanan domestik, dan juga melindungi pekerja daripada keputusan pendapatan.

Rujukan

Adam Firouz. 2020a. Covid-19: Are All Workers Equally Protected? A Case of the Self-Employed. In *Views*, Khazanah Research Institute. <http://www.krinstitute.org/Views-@-Covid-19-; Are All Workers Equally Protected%5E A Case of the Self-Employed.aspx>.

Adam Firouz. 2020b. Why I-Lestari Will Miss the Most Vulnerable During Covid-19. In *Views*, Khazanah Research Institute. Kuala Lumpur. <http://www.krinstitute.org/Views-@-Why i-Lestari will miss the Most Vulnerable during Covid-19.aspx>.

Ahmad, Samadi. 2020. "Cadang Pasar Tani, Pagi Dibuka Semula". *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670019/cadang-pasar-tani-pagi-dibuka-semula>.

- Almeida, Isis and Agnieszka de Sousa. 2020. "Countries Starting to Hoard Food, Threatening Global Trade". *Bloomberg*, 25 March 2020. Accessed 30 March 2020.
<https://www.bloomberg.com/news/articles/2020-03-24/countries-are-starting-to-hoard-food-threatening-global-trade>.
- Aruno, C., Rahimy Rahim, et al. 2020. "Farmers Finding It Hard to Distribute Their Greens". *The Star*, 26 March 2020. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/26/farmers-finding-it-hard-to-distribute-their-greens>.
- Australian Government - Fair Work. n.d. "Minimum Wages." Accessed 31 Mac 2020.
<https://www.fairwork.gov.au/how-we-will-help/templates-and-guides/fact-sheets/minimum-workplace-entitlements/minimum-wages#current-national-minimum-wage>.
- Bunyan, John. 2020. "Cut Off from Supplying, Cameron Farmers Donate Vegetables to Poor, Elderly in Ipoh". *Malay Mail*, 26 March 2020. Accessed 26 March 2020.
<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/26/cut-off-from-supplying-cameron-farmers-donate-vegetables-to-poor-elderly-in/1850373>.
- Christopher Choong, Weng Wai. 2020. Mitigating the Economic Shocks of Covid-19: Protect Our Workers! . In *Views*, Khazanah Research Institute. <http://www.krinstitute.org/Views-@-Mitigating-the-Economic-Shocks-of-Covid-19;-Protect-our-Workers!.aspx>.
- Fahmy A Rosli. 2020. "Skspes Diperluas Kepada 19 Sektor". *Berita Harian*. Accessed 31 Mac 2020.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/643605/skspes-diperluas-kepada-19-sektor>.
- Government of Canada. 2020. "Advance Payments Program: Step 1. What This Program Offers." <http://www.agr.gc.ca/eng/agricultural-programs-and-services/advance-payments-program/?id=1462198969862>.
- Hawati Abdul Hamid. 2020. Covid-19: Peluang Mantapkan Perlindungan Sosial Semua Pekerja. In *Views*, Khazanah Researxh Institute. http://www.krinstitute.org/Views-@-Covid-19-;_Peluang_mantapkan_perlindungan_sosial_semua_pekerja.aspx.
- Hurst, Daniel and Paul Karp. 2020. "Australia to Subsidise Wages of up to 6m Workers in \$130bn Coronavirus Plan". *The Guardian*, 30 Mac 2020.
<https://www.theguardian.com/world/2020/mar/30/australia-to-subsidise-wages-of-up-to-6m-workers-in-130bn-coronavirus-plan>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2017. Banci Ekonomi 2016 - Profil Perusahaan Kecil Dan Sederhana. Putrajaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2019. Laporan Survei Gaji & Upah 2018. Putrajaya.
- Jabatan Pertanian (DOA). 2018. Anggaran Bilangan Petani Mengikut Negeri, 2017. data.gov.my. http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/anggaran-bilangan-petani-mengikut-negeri-2017.
- Khazanah Research Institute. 2014. The State of Households II. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. <http://www.krinstitute.org/Publications-@-The-State-of-Households-II.aspx>.

- LPP. 2017a. Laporan Penghasilan Sayur-Sayuran Mengikut Negeri Di Bawah Lembaga Pertubuhan Peladang Tahun 2017. data.gov.my.
http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/penghasilan-sayuran-di-bawah-lembaga-pertubuhan-peladang.
- LPP. 2017b. Penghasilan Buah-Buahan Mengikut Negeri Di Bawah Lembaga Pertubuhan Peladang. data.gov.my. http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/penghasilan-buah-buahan-mengikut-negeri-di-bawah-lembaga-pertubuhan-peladang.
- Majlis Keselamatan Negara. 2020. Kenyataan Media Majlis Keselamatan Negara 18 Mac 2020.
- Ng Xiang Yi and Ramieza Wahid. 2020. "Cameron Highlands Farmers Dump Hundreds of Tonnes of Vegetables". *Malaysiakini*, 25 March 2020. Accessed 26 March 2020.
<https://www.malaysiakini.com/news/516704>.
- Nur Thuraya Sazali and Siti Aiysyah Tumin. 2020. Leaving No Worker Behind: Deficit in Decent Work. In *Working Paper*, Khazanah Research Institute.
http://www.krinstitute.org/Working_Paper-@-Leaving_No_Worker_Behind-_Deficit_in_Decent_Work.aspx.
- Palansamy, Yiswaree. 2020. "After Supply Woes Force Cameron Farmers to Dump Greens, Lazada Steps in and Connects Them to Buyers". *Malay Mail*, 29 Mac 2020.
<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/29/after-supply-woes-force-cameron-farmers-to-dump-greens-lazada-steps-in-and/1851378>.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. 2020. Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Bil. 1/2020 - 16 Mac 2020.
- Perdana Menteri Malaysia. 2020a. Economic Stimulus Package 2020 - Bolstering Confidence, Stimulating Growth, Protecting Jobs. 27 February 2020.
- Perdana Menteri Malaysia. 2020b. Kenyataan Sidang Media 23 Mac 2020.
- Perdana Menteri Malaysia. 2020c. Kenyataan Sidang Media 25 Mac 2020.
- Perdana Menteri Malaysia. 2020d. Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) 27 Mac 2020.
- PERKESO. n.d. "Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri." Accessed 31 Mac 2020.
<https://www.perkeso.gov.my/index.php/ms/30-perlindungan-keselamatan-sosial/skim-perlindungan-keselamatan-sosial/361-skim-keselamatan-sosial-pekerjaan-sendiri>.
- Prime Minister of Canada. 2020. Prime Minister Announces Support for Farmers and Agri-Food Businesses under Canada's Response to Covid-19. <https://pm.gc.ca/en/news/news-releases/2020/03/23/prime-minister-announces-support-farmers-and-agri-food-businesses>.
- Safeek Affendy Razali. 2020. "Covid-19: Laluan Khas Petugas Barisan Hadapan". *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670268/covid-19-laluan-khas-petugas-barisan-hadapan>.
- Seow, Joanna. 2020. "Govt to Subsidise Wages of All Local Workers by at Least 25% Amid Covid-19 Outbreak". *The Straits Times*. Accessed 31 Mac 2020.

[https://www.straitstimes.com/politics/151b-boost-to-enhanced-jobs-support-scheme-amid-covid-19-outbreak-government-to-subsidise.](https://www.straitstimes.com/politics/151b-boost-to-enhanced-jobs-support-scheme-amid-covid-19-outbreak-government-to-subsidise)

Syed Jaymal Zahiid. 2020. "Farmers Faced with Dipping Demand, Logistic Disruptions, Forced to Sell Vegetables on Social Media". *Malay Mail*, 26 March 2020. Accessed 26 March 2020.
[https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/26/farmers-faced-with-dipping-demand-logistic-disruptions-forced-to-sell-veget/1850379.](https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/26/farmers-faced-with-dipping-demand-logistic-disruptions-forced-to-sell-veget/1850379)

United Nations Development Programme (UNDP). 2020. "Covid-19: Looming Crisis in Developing Countries Threatens to Devastate Economies and Ramp up Inequality." Accessed 31 Mac 2020. [https://www.undp.org/content/undp/en/home/news-centre/news/2020/COVID19 Crisis in developing countries threatens devastate economies.html.](https://www.undp.org/content/undp/en/home/news-centre/news/2020/COVID19_Crisis_in_developing_countries_threatens_devastate_economies.html)

Vu, Khanh. 2020. "Vietnam's Ban on Rice Exports Still in Force, Government May Set Limit: Traders". *Reuters*, 30 March 2020. Accessed 30 March 2020.
[https://www.reuters.com/article/us-health-coronavirus-vietnam-rice/vietnams-ban-on-rice-exports-still-in-force-government-may-set-limit-traders-idUSKBN21H0GO.](https://www.reuters.com/article/us-health-coronavirus-vietnam-rice/vietnams-ban-on-rice-exports-still-in-force-government-may-set-limit-traders-idUSKBN21H0GO)

World Trade Organization (WTO). 2020. "Covid-19 and World Trade." Accessed 30 March 2020.
[https://www.wto.org/english/tratop_e/covid19_e/covid19_e.htm.](https://www.wto.org/english/tratop_e/covid19_e/covid19_e.htm)

Lampiran

Jadual 1A: Inisiatif dan bantuan yang relevan bagi sektor pertanian setakat 27 Mac 2020

Tarikh	Inisiatif/Bantuan	Huraian	Liputan
27 Feb 2020	Kemudahan Pinjaman Agromakanan (PKS)	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan pinjaman RM1b bagi meningkatkan penghasilan makanan bagi Malaysia dan juga untuk tujuan eksport. Pinjaman untuk tujuan perbelanjaan modal, modal kerja, atau pembangunan projek pertanian Maksimum RM5j untuk setiap PKS Tempoh ansuran 8 tahun Faedah pinjaman sehingga 3.75% setahun 	PKS dalam sektor pertanian
	Kemudahan Pinjaman Automasi dan Digitalisasi PKS	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan pinjaman RM300j bagi menggalakkan PKS menagautomasi proses dan mendigitalkan operasi bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan Pinjaman untuk tujuan pembelian barang dan keperluan IT Maksimum RM3j untuk setiap PKS Tempoh ansuran 10 tahun Faedah pinjaman sehingga 4% setahun 	Semua PKS
	Meringankan kriteria kelayakan Skim Insurans Pekerjaan (SIP)	Memansuhkan keperluan minimum sumbangan 3 bulan untuk layak menerima bantuan sekiranya diberhentikan kerja	Sektor terjejas
	Penambahan Bantuan Sara Hidup (BSH)	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran BSH RM200 yang dijadualkan pada Mei 2020 dibawa ke Mac 2020 Penambahan pembayaran tunai one-off RM100 bagi Mac 2020 Penambahan RM50 menerusi e-tunai 	
16 Mac 2020	Bantuan kewangan bagi membantu pekerja yang terpaksa mengambil cuti tanpa gaji	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan kewangan sebanyak RM600 bagi setiap pekerja setiap bulan bagi tempoh maksimum 6 bulan Layak untuk pekerja yang diberi notis tanpa gaji mulai 1 Mac 2020 Layak untuk pencarum Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dengan gaji tidak melebihi RM4,000 sebulan 	Semua sektor

23 Mac 2020	Kemudahan pengeluaran i-Lestari bagi pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Semua ahli KWSP yang berumur bawah 55 tahun boleh membuat pengeluaran wang simpanan dalam Akaun 2 tertakluk kepada kadar maksimum RM500 sebulan untuk tempoh selama 12 bulan bermula April 2020	Semua individu bawah 55 tahun
25 Mac 2020	Penangguhan bayaran balik pinjaman bank kepada peminjam-peminjam individu dan PKS	Untuk 6 bulan Mulai April 2020	Semua individu dan PKS
27 Mac 2020	Bantuan Prihatin Nasional – bayaran tunai secara one-off	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,600 kepada isi rumah berpendapatan < RM4,000 sebulan • RM1,000 kepada isi rumah berpendapatan lebih RM4,000 – RM8,000 sebulan • RM800 kepada individu bujang berusia 21 tahun ke atas berpendapatan < RM2,000 sebulan • RM500 kepada individu bujang berusia 21 tahun ke atas berpendapatan lebih RM2,000 – RM4,000 sebulan 	Semua individu berkaitan
	Diskaun bil elektrik bagi 6 bulan bermula April 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Diskaun 50% bagi penggunaan < 200kW sebulan • Diskaun 25% bagi penggunaan 201 – 300 kW sebulan • Diskaun 15% bagi penggunaan 301 – 600 kW sebulan 	Sektor komersial, industri, pertanian dan isi rumah
	Dana Jaminan Makanan	Peruntukan RM1b bagi dana ini, namun tiada perincian inisiatif	Sektor pertanian
	Peruntukan bagi menyediakan infrastruktur penyimpanan dan pengagihan serta program integrasi makanan	RM100j	Sektor pertanian
	Dana khas untuk Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK)	Dana khas antara RM100,000 hingga RM200,000 kepada setiap PPK dan PNK yang berdaya maju untuk membangunkan projek agromakanan jangka pendek yang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh 3 - 6 bulan	Sektor pertanian
	Program Subsidi Upah	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu majikan mengekalkan pekerja • Upah RM600 sebulan bagi setiap kerja untuk 3 bulan • Dikhususkan kepada pekerja yang berpendapatan di bawah RM4,000 dan majikan yang mengalami penurunan pendapatan lebih 50% sejak 1 Januari 2020 • Majikan mesti memastikan mereka tidak membuang pekerja atau mengarahkan mereka mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh tiga bulan selepas program ini dilaksanakan. Selain itu, majikan juga tidak dibenarkan memotong gaji sedia ada pekerja. 	Semua sektor

Skim Kredit Mikro Bank Simpanan Nasional	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar faedah 2% tanpa cagaran • Syarat kelayakan pinjaman dilonggarkan dengan minimum 6 bulan operasi berbanding setahun operasi • Amaun pembiayaan ditingkatkan daripada maksimum RM50,000 kepada RM75,000 bagi setiap usahawan 	Semua usahawan mikro
Pengecualian pembayaran levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)	Untuk 6 bulan mulai April 2020	Semua sektor
Penangguhan pembayaran cukai pendapatan	Untuk 3 bulan mulai April 2020	Semua PKS
Penangguhan bayaran balik pinjaman agensi kerajaan sehingga 6 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Termasuk TEKUN, MARA dan koperasi • Mulai April 2020 	Semua PKS

Sumber: Perdana Menteri Malaysia (2020a), Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2020), Perdana Menteri Malaysia (2020b), Perdana Menteri Malaysia (2020c) & Perdana Menteri Malaysia (2020d)